

18 JUN 1998

Korea-Malaysia (Bergambar)

KOREA UTARA DAPAT INSPIRASI MELALUI USAHA M'SIA ATASI MASALAH EKONOMI

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Korea Utara mendapat inspirasi melalui usaha Malaysia untuk mengatasi masalah ekonomi yang dihadapinya berikutan krisis kewangan serantau, kata seorang pegawai kanan Pyongyang hari ini.

O Song Chol, Naib Menteri Penerangan, berkata usaha Malaysia untuk melindungi kemerdekaannya memberi pengaruh yang kuat terhadap negara-negara di rantau ini.

"Rakyat kami tahu bahawa kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melaksanakan usaha gigih untuk mengatasi kemelut ekonomi sekarang dengan sendiri," katanya.

"Saya pasti rakyat Malaysia akan dapat mengatasi krisis itu menerusi usaha mereka sendiri," kata O, dengan merujuk kepada keputusan Malaysia untuk tidak mendapatkan bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Korea Selatan, Thailand dan Indonesia yang turut dilanda kemelut matawang yang berlaku pada Julai tahun lalu terpaksa mendapatkan bantuan IMF.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat kedua Jawatankuasa Bersama Penerangan Malaysia-Korea Utara di sini, O berkata beliau percaya setiap negara mempunyai keupayaan untuk mengatasi masalah mereka sendiri.

"Adalah penting bagi rakyat di negara-negara yang terjejas oleh krisis ekonomi itu supaya mengukuhkan kemerdekaan politik mereka sendiri daripada tekanan kapitalis Barat," katanya.

O, yang berada di sini untuk lawatan tiga hari bertujuan mengukuhkan hubungan Korea Utara-Malaysia, sebelum itu menandatangani satu protokol bagi memperbaharui perjanjian kerjasama penerangan yang dicapai oleh kedua-dua negara pada 1992.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed menandatangani bagi pihak Malaysia dalam satu majlis di Angkasapuri.

O berkata inisiatif di bawah program kerjasama penerangan itu telah membantu rakyat kedua-dua negara mendapatkan pemahaman yang lebih baik di antara satu sama lain.

Sejak mesyuarat Jawatankuasa Bersama Penerangan yang pertama di Pyongyang pada 1995, terdapat banyak pertukaran berita dan bahan di antara agensi berita dan pihak berkuasa televisyen dan radio kedua-dua buah negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan Datuk Zawawi Mahmuddin, yang mengetuai delegasi Malaysia pada mesyuarat hari ini, berkata Korea Utara menawarkan untuk berkongsi kepakarannya dalam menghasilkan program tv dan filem animasi kanak-kanak.

-- BERNAMA

HAK SJ AKD